

24/10/1998

Cukai rokok, minuman keras naik

DALAM usaha menggalakkan hidup sihat dan mengurangkan gejala sosial, kerajaan mengambil langkah menaikkan cukai bagi rokok, minuman keras dan aktiviti perjudian dalam Belanjawan 1999.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, duti import ke atas rokok dan keluaran tembakau lain, masing-masing dinaikkan dari RM139 sekilogram dan RM162 sekilogram kepada RM180 sekilogram.

Sementara itu, duti eksais bagi rokok yang dikilangkan dalam negara dinaikkan dari RM28.60 sekilogram kepada RM40 sekilogram.

Selain rokok, duti import dan duti eksais ke atas semua jenis minuman keras juga dinaikkan 20 peratus daripada kadar semasa.

Kadar cukai perjudian dinaikkan dari tujuh peratus kepada lapan peratus manakala duti pertaruhan dinaikkan antara lima peratus dan 11.5 peratus kepada 10 peratus dan 12 peratus.

"Duti keuntungan kasino yang dikenakan di antara 22 peratus dan 25 peratus diselaraskan kepada kadar 25 peratus," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, RM265 juta disediakan untuk meneruskan agenda masyarakat penyayang menerusi program pemulihan dan perlindungan bagi golongan yang memerlukan bantuan, membina dan menaikkan taraf rumah kebajikan dan pembinaan pusat aktiviti perpaduan serta Institut Sosial Malaysia.

Sejumlah RM118 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program membanteras gejala sosial.

Selain itu, peruntukan RM75 juta turut disediakan untuk mempertingkatkan pencegahan dan pemulihan penagihan dadah.

Bagi usaha membasmi kemiskinan, kerajaan memperuntukkan RM108 juta menerusi Program Pembasmian Rakyat Termiskin, Peningkatan Ekonomi Kampung dan Program Pemulihan Rumah yang dijangka dapat memanfaatkan seramai 41,300 keluarga miskin.

Dr Mahathir berkata, wanita patut diberi latihan kemahiran secara berterusan khususnya bagi mereka yang ingin meningkatkan potensi.

Bagi tujuan ini, kerajaan akan menyediakan peruntukan RM50 juta sebagai bantuan sokongan kepada program latihan dan sumbangan kepada pertubuhan wanita.

Program itu akan diselaraskan di bawah Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa).

Beliau juga berkata, kerajaan terus memantapkan usaha mengukuhkan penghayatan nilai Islam.

Sejumlah RM245 juta disediakan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Perdana Menteri supaya dapat melipat gandakan rancangan pembangunan ummah secara lebih bersepadu, program pembinaan insan serta penyelarasan undang-undang syariah.

Bagi pembangunan belia, peruntukan RM37 juta disediakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan untuk pelbagai program termasuk Program Rakan Muda yang disusun semula.

RM440 juta akan disediakan untuk bantuan buku teks dan bantuan makanan tambahan kepada pelajar kurang mampu di seluruh negara dan empat juta pelajar layak menerima bantuan itu.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan bantuan khas berjumlah RM5 juta untuk pelajar Orang Asli.

"Sebagai usaha untuk membantu meringankan beban peningkatan kos pengeluaran padi serta menghasilkan pengeluaran padi yang tinggi, kerajaan akan menyediakan peruntukan berjumlah RM131 juta bagi subsidi baja padi,"

katanya.

Dr Mahathir berkata tambahan peruntukan RM22 juta diberi untuk meningkatkan bantuan baja padi sebanyak RM50 sehektar bagi tahun 1999. Kerajaan juga terus memberi subsidi harga padi bagi menambahkan pendapatan petani dengan peruntukan RM410 juta.

(END)